

PERATURAN PERMAINAN SKUASY

1 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Mengikut undang-undang dan peraturan yang diguna pakai oleh Persatuan Squash Malaysia (SRAM) atau Asia Squash of Federation (ASF) atau World Squash of Federation (WSF).

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2026.

2 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Jenis Pertandingan

2.1.1 Pertandingan ini dijalankan secara Individu dan Berpasukan Lelaki dan Wanita.

2.2 Pendaftaran Pemain

2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar 4 orang (lelaki) sahaja dan 4 orang (wanita) sahaja. Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

ACARA	ATLET	MINIMUM	MAKSIMUM	PEGAWAI	JUMLAH
INDIVIDU	LELAKI	1	4	3	11
	WANITA	1	4		
BERPASUKAN	LELAKI	3	4		
	WANITA	3	4		

2.2.2 Pendaftaran pemain hendaklah dibuat secara online melalui website rasmi SUKIPT 2026.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Bagi acara individu, sistem pertandingan untuk Kejohanan ini akan dijalankan secara sistem Kalah Keluar (*Knock Out System*).

2.3.2 Setiap perlawanan bermula dari peringkat awal hingga akhir akan bermain "best of 5" menggunakan sistem kiraan "American scoring".

2.3.3 Bagi acara berpasukan, pasukan akan di dipecahkan mengikut kumpulan berdasarkan jumlah penyertaan.

2.3.4 Undian akan dibuat semasa majlis undian rasmi oleh Jawatankuasa Teknikal Kejohanan.

2.3.5 Format pertandingan secara liga dalam kumpulan dan kalah keluar (*Knock Out System*)

2.3.6 Pada peringkat kumpulan, akan bermain "best of 3" dan kesemua 3 peminat perlu melengkapkan perlawanan.

2.3.7 Bermula di peringkat kalah keluar semua perlawanan menggunakan "best of 5". Jika 2 pemain pasukan telah menang perlawanan, perlawanan pemain ke 3 tidak perlu dijalankan.

2.4 Referi Kehormat

2.4.1 Referi bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan mulai dengan peringkat awal hingga perlawanan akhir.

2.5 Kelewatan

2.5.1 Setiap pemain diberi tempoh masa selama 15 minit dari masa perlawanan yang telah ditetapkan sebelum diistiharkan kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali telah berhubung dan mendapat kebenaran daripada pengelola.

2.6 Penangguhan

2.6.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am SUKIPT 2026.

2.6.2 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh. Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

3 PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT 2026.

4 HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2026.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Individu Lelaki	1	1	1	1	2	2
Individu Wanita	1	1	1	1	2	2
Berpasukan Lelaki	1	4	1	4	2	8
Berpasukan Wanita	1	4	1	4	2	8
JUMLAH	4	10	2	10	8	20